

19/04/1999

30 lukisan kanak-kanak dilelong

KUALA LUMPUR, Ahad - Sebanyak 30 lukisan karya kanak-kanak dilelong di Muzium Kesenian Islam, hari ini sempena Pameran Kesenian Islam Antarabangsa yang akan berlangsung selama tiga bulan sehingga 17 Julai ini.

Majlis ringkas itu dimeriahkan dengan kehadiran isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Endon Datuk Mahmood, yang turut membeli sebuah lukisan bernilai RM8,000.

Lukisan yang berjaya menambat hati Endon itu adalah lukisan jaket yang diperbuat daripada kain Kaabah, hasil Abdul Aziz Mohd Yusof, 14.

Lukisan termahal adalah karya Muhamad Al-Aedil Md Ramsi, 11, yang dibeli pada harga RM13,500. Turut dilelong ialah tiga buah lukisan yang mempunyai tandatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sepuluh peratus daripada hasil jualan setiap lukisan diserahkan kepada pelukisnya dan selebihnya diserahkan kepada muzium bagi membiayai program pendidikan di muzium berkenaan, termasuk bengkel lukisan kanak-kanak. Semua lukisan berkenaan adalah hasil karya 17 daripada 20 kanak-kanak yang menyertai bengkel lukisan kanak-kanak pertama yang dianjurkan Muzium Kesenian Islam dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Melalui bengkel bertema 'Artifak di Atas Kanvas', yang bermula 21 November tahun lalu hingga 27 Februari lalu, kanak-kanak memilih gambar artifak dari koleksi muzium dan melukisnya di atas kanvas. Bengkel itu dikendalikan artis tempatan, Mohd Yusof Ismail atau lebih dikenali sebagai 'Yusof Gajah'.

(END)